

**Penduduk Kampung Pokok Asam Dakwa Kerajaan Negeri Tidak Serius Bantu Rakyat  
Bernama  
30 Disember, 2011**

GEORGE TOWN, 30 Dis (Bernama) -- Penduduk Kampung Pokok Asam di Jelutong di sini Jumaat mendakwa kerajaan negeri Pulau Pinang tidak serius dalam menangani isu pengambilan tanah mereka bagi projek perumahan dan pembinaan tapak perkuburan.

Pengerusi Persatuan Badan Bertindak Penduduk Jelutong Zarus Yusof berkata, sikap sambil lewa dan tidak menunaikan janji itu ditunjukkan oleh Timbalan Ketua Menteri I Datuk Mansor Othman, anggota Parlimen Jelutong Jeff Oii dan Pengarah Jabatan hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) Sazali Hussein apabila tidak pada sesi dialog bersama penduduk semalam.

"Kami juga ada meminta untuk mengadakan perjumpaan dengan Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan Tanah), Jonathan Freddy P. Bagang pada 5 Okt di Pejabat Daerah dan Tanah tapi sehingga hari ini masih tiada jawapan dan sekarang kami tidak tahu apa yang harus dilakukan," katanya kepada Bernama selepas menyerahkan memorandum kepada wakil Jonathan di sini hari ini.

Lebih 100 penduduk Kampung Pokok Asam enggan berpindah dari kampung itu selagi tidak menerima pampasan daripada kerajaan negeri atau syarikat pemaju.

Tanah perkampungan seluas lebih 1 hektar itu telah diambil oleh syarikat pemaju dari Kuala Lumpur bagi projek hartanah mewah dan perkuburan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637329>